128

Dr Asan Diwawancara Dalam Program Soal Jawab Di TV3

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 26 April 2011 12:30
Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

26 APRIL 2011/22 JAMADILAWAL 1432H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Hasniza Mustafa

DR ASAN DIWAWANCARA DALAM PROGRAM SOAL JAWAB DI TV3

UUM ONLINE: "Pencapaian bagi enam Bidang Keberhasilan Utama Negara 2010 atau NKRA bagi tempoh setahun pertama adalah agak memberangsangkan, terutama NKRA Membanteras Rasuah dan NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah dalam usaha mencapai objektif Program Transformasi Kerajaan (GTP)," kata Prof Madya Dr Asan Ali Golam Hassan @ Mohammad.

Beliau berkata demikian ketika diwawancara dalam program 'Soal Jawab' terbitan TV3 yang bertajuk 'Keberkesanan Program Transformasi Kerajaan, GTP dalam membawa kepada pencapaian Bidang Keberhasilan Utama Negara, NKRA' yang bersiaran pada 30 Mac 2011 pada jam 11 malam dengan menampilkan Dr. Asyraf Wajdi Dato' Dusuki sebagai Moderator.

Panel lain ialah Prof Madya Dr Azmi Hassan dari Universiti Teknologi Malaysia dan Ahli Parlimen Kota Belut, Yang Berhormat Dato Abdul Rahman Dahlan.